

**Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 12 Ogos 2021**



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**  
**BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA**  
**JUN 2021**

---

**Pengeluaran getah asli meningkat 37.8 peratus pada Jun 2021**

PUTRAJAYA, 12 Ogos 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Jun 2021**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Mengulas berkaitan laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, menyatakan, “Pengeluaran getah asli menunjukkan peningkatan 37.8 peratus pada Jun 2021 kepada 38,807 tan metrik berbanding 28,164 tan yang direkodkan pada Mei 2021. Dari segi perbandingan tahunan pula, pengeluaran meningkat 15.7 peratus berbanding 33,531 tan metrik pada bulan yang sama tahun sebelumnya”.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menyatakan, “Sektor kebun kecil merupakan penyumbang utama kepada pengeluaran getah asli pada Jun 2021 iaitu 89.2 peratus (34,599 tan metrik) dan selebihnya adalah dari sektor estet, 10.8 peratus (4,208 tan metrik). Perbandingan bulan ke bulan bagi pengeluaran di kedua-dua sektor ini masing-masing melonjak kepada 35.2 peratus dan 63.5 peratus. Manakala perbandingan tahun ke tahun pula, sektor kebun kecil kekal positif, iaitu 20.3 peratus, sebaliknya sektor estet menunjukkan pertumbuhan negatif 11.6 peratus”.

Peningkatan ini adalah selari dengan kajian yang telah dibuat oleh Lembaga Getah Malaysia yang menyatakan dalam tempoh setahun terdapat tiga fasa produktiviti pengeluaran getah dimana fasa pertama mulai Mac hingga Mei dimana hasil torehan biasanya rendah dan fasa kedua bermula Jun hingga Ogos dimana hasil torehan adalah sederhana. Pokok getah biasanya mengeluarkan hasil tertinggi pada fasa ketika bermula bulan September hingga Februari.

Melihat kepada senario perbandingan harga purata bulanan pula, Lateks Pekat merekodkan penurunan sebanyak -11.3 peratus kepada 564.62 sen sekilogram berbanding 636.76 sen sekilogram. Keadaan yang sama turut berlaku kepada semua jenis Getah Mutu Malaysia, masing-masing G.M.M. CV (-11.1%), G.M.M. L (-11.2%), G.M.M. 5 (-2.5%), G.M.M. GP (-2.5%), G.M.M. 10 (-2.5%) dan G.M.M. 20 (-2.5%). Penurunan harga yang berlaku di Malaysia ini adalah selari dengan perubahan harga yang berlaku di peringkat global. Berdasarkan dapatan yang dikeluarkan oleh *World Bank Commodity Price Data*, harga bagi getah jenis TSR 20 dan SGP/MYS masing-masing menurun -3.1 peratus (daripada USD1.69/kg kepada USD1.64/kg) dan -7.4 peratus (daripada USD2.29/kg kepada USD2.12/kg).

Jumlah stok getah asli menurun 0.02 peratus pada Jun 2021 kepada 242,110 tan metrik berbanding 242,167 tan metrik pada Mei 2021. Pada masa yang sama, penggunaan domestik juga menunjukkan penurunan -17.6 peratus kepada 34,862 tan metrik berbanding 42,304 tan metrik pada Mei 2021.


Eksport getah asli Malaysia berjumlah 48,589 tan metrik pada Jun 2021, meningkat 1.0 peratus berbanding 48,111 tan metrik pada Mei 2021. China kekal sebagai destinasi utama eksport iaitu 53.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Jun 2021 diikuti Finland (7.5%), Amerika Syarikat (5.7%), Jerman (2.5%) dan Brazil (2.4%).

“Sarung tangan merupakan eksport utama produk berdasarkan getah dengan nilai sebanyak RM6.4 billion pada Jun 2021, meningkat sebanyak 16.6 peratus berbanding Mei 2021 (RM5.5 billion). Negara eksport utama sarung tangan getah ialah Amerika Syarikat dengan nilai RM2.7 billion, Jerman (RM440.6 juta) dan India (RM201.9 juta),” kata Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir.


Menurut beliau lagi, "Merujuk kepada prestasi suku kedua 2021 pula, perbandingan suku tahunan menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 31.6 peratus kepada 89,985 tan metrik berbanding 131,643 tan metrik pada suku pertama 2021. Beberapa indikator utama yang lain turut menunjukkan trend yang menurun seperti eksport (-5.7%) dan penggunaan getah asli dalam pembuatan produk berasaskan getah (-12.2%)."

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

**Carta 1 : Pengeluaran, penggunaan domestik dan stok bulanan bagi getah asli 2020-2021**



**Carta 2 :Eksport dan import bulanan bagi getah asli 2020-2021**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**12 OGOS 2021**

**Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, August 12<sup>th</sup> 2021**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA**  
**JUNE 2021**

---

**Natural rubber production increased 37.8 per cent in June 2021**

PUTRAJAYA, August 12, 2021 – The Department of Statistics, Malaysia today released **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, June 2021**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, “Natural rubber production showed an increase of 37.8 per cent in June 2021 to 38,807 tonnes as compared to 28,164 tonnes in May 2021. On an annual basis, the production increased by 15.7 per cent as against 33,531 tonnes in the same month of the preceding year”.

Chief Statistician also said, “The smallholder sector was the main contributor to the production of natural rubber in June 2021 which was 89.2 per cent (34,599 tonnes) and the remaining was from the estate sector, 10.8 per cent (4,208 tonnes). Comparison month-on-month in production for these two sectors jumped to 35.2 per cent and 63.5 per cent respectively. Meanwhile, for year-on-year comparison, the smallholder sector remained positive at 20.3 per cent, whereas the estate sector showed a negative growth of 11.6 per cent”.

This increase is in line with a study conducted by the Malaysian Rubber Board, which stated that within a year there are three phases productivity of rubber production where the first phase is from March to May where the tapping yield is usually low and the

*second phase from June to August where the tapping yield is moderate. Rubber trees usually produce the highest yields in the third phase starting from September to February.*

*The comparison of the average monthly price scenario showed that the Latex Concentrated recorded a decrease of -11.3 per cent to 564.62 sen per kg from 636.76 sen per kg. A similar trend is also observed for all types of Standard Malaysian Rubber, S.M.R. CV (-11.1%), S.M.R. L (-11.2%), S.M.R. 5 (-2.5%), S.M.R. GP (-2.5%), S.M.R. 10 (-2.5%) and S.M.R. 20 (-2.5%) respectively. The decline of prices in Malaysia was in line with the movement of prices that have taken place globally. Based on the findings released by the World Bank Commodity Price Data, the prices for TSR 20 and SGP/MYS type rubber were declined -3.1 per cent (from USD1.69/kg to USD1.64/kg) and -7.4 per cent (from USD2.29/kg to USD2.12/kg) respectively.*

*Total rubber stocks decreased 0.02 per cent in June 2021 to 242,110 tonnes as compared to 242,167 tonnes in May 2021. Similarly, domestic consumption also showed a decrease of -17.6 percent to 34,862 tonnes as compared to 42,304 tonnes in May 2021.*


*Exports of Malaysia's natural rubber amounted to 48,589 tonnes in June 2021, rose by 1.0 per cent as against 48,111 tonnes in May 2021. The P.R. China remained as the main destination for natural rubber exports with a share of 53.9 per cent from total exports in June 2021 followed by Finland (7.5%), U.S.A (5.7%), Germany (2.5%) and Brazil (2.4%).*

*"Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM6.4 billion in June 2021, an increase of 16.6 per cent as compared to May 2021 (RM5.5 billion). The main exporting countries for rubber gloves were the U.S.A with a value of RM2.7 billion, Germany (RM440.6 million) and India (RM201.9 million)," said Dato' Sri Dr. Mohd Uzir.*


*He added, "With regards to the performance of the second quarter of 2021, the quarterly comparison showed that the production fell by 31.6 percent to 89,985 tonnes against 131,643 tonnes in the first quarter of 2021. Several other major indicators also showed a downward trend such as exports (-5.7%) and the use of natural rubber in the manufacture of rubber-based products (-12.2%)."*

*The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at [www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my) or social media @MyCensus2020 for more info.*

**Chart 1 : Monthly production, domestic consumption and stocks of natural rubber 2020-2021**



**Chart 2 : Monthly exports and imports of natural rubber 2020-2021**



*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**12 AUGUST 2021**